



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA

CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA
TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

BAHAGIAN A(i)

*Masa yang dicadangkan: 40 minit
(20 markah)*

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang punca kemerosotan disiplin murid. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Disiplin merupakan perasaan taat dan patuh terhadap nilai-nilai yang dipercayai termasuk melakukan pekerjaan tertentu yang dirasakan menjadi tanggungjawab. Dalam konteks sekolah, murid yang berdisiplin merupakan murid yang mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah, seperti cara berpakaian, kedatangan, menghormati guru dan membuat kerja sekolah yang diarahkan oleh guru. Kini, ramai murid tidak mematuhi disiplin yang ditetapkan. Pelanggaran disiplin menyebabkan berlakunya pergaduhan, buli dan mati akibat berkelahi.

Banyak faktor yang menyebabkan masalah kemerosotan disiplin murid. Antaranya ialah pengaruh media massa yang sering menonjolkan budaya kuning dari Barat, filem, surat khabar, majalah dan televisyen sering menunjukkan unsur yang negatif seperti babak ganas dan seks akan menjadikan fikiran remaja keras dan rakus. Selain itu, kemerosotan disiplin murid juga terjadi kerana masalah keluarga. Ayah dan ibu sering berkelahi di hadapan anak-anak dan pada waktu yang sama mengharapkan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Sesetengah murid pula menjadikan sekolah sebagai tempat untuk melupakan segala masalah sehinggakan sanggup melanggar disiplin yang ditetapkan seperti bergaduh dengan rakan sekelas. Namun, keadaan di sekolah bukanlah seperti yang diimpikan oleh ibu bapa.

Hukuman yang dikenakan kepada murid juga merupakan faktor yang menyebabkan seseorang murid itu menjadi semakin liar. Pihak sekolah perlu menggunakan pendekatan psikologi apabila berhadapan dengan murid-murid yang tidak berdisiplin. Namun begitu, ini juga tidak menyelesaikan masalah kerana murid tidak akan takut jika sesuatu kesalahan dihukum dengan nasihat sahaja. Pengaruh rakan sebaya juga turut mempengaruhi kemerosotan disiplin murid. Ada murid yang masih berkawan dengan rakan yang tidak bersekolah. Kemiskinan juga boleh menyebabkan seseorang itu melanggar disiplin sekolah. Hal ini demikian kerana kedua-dua ibu bapa sibuk mencari nafkah, si anak akan terbiar dan memilih haluan sendiri. Bagi menunjukkan diri mereka hebat dan berkemampuan, peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah tidak diikuti.

Negara kita menghadapi masalah kekurangan guru lelaki yang turut dikatakan menjadi salah satu punca kemerosotan disiplin. Sebenarnya amat sukar membentuk jiwa remaja. Jiwa remaja yang mudah memberontak menyebabkan mereka suka melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Untuk mengatasi masalah ini, sikap ibu bapa perlu diubah. Ibu bapa perlu lebih prihatin terhadap anak mereka yang meningkat remaja. Jika boleh, ibu bapa perlu selalu berhubung dengan pihak sekolah untuk memastikan anak mereka mematuhi disiplin yang ditetapkan sekolah.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Masalah Disiplin Pelajar"
Oleh Koh Ve Lee, *Dewan Siswa*, Jun 2011)

BAHAGIAN A(ii): Pemahaman
[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A(i) , jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata menggunakan pendekatan (2 markah)
2. Berdasarkan petikan berikan dua peranan ibu bapa untuk mengatasi masalah disiplin murid. (4 markah)
3. Pada pendapat anda, mengapakah golongan remaja mudah terikut-ikut nilai negatif yang datang dari Barat? (4 markah)

BAHAGIAN B
[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang cara-cara menghargai warga tua. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



BAHAGIAN C
(40 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Seorang sahabat anda telah mengutus surat kepada anda. Dia meminta anda menceritakan persediaan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah yang bakal dihadapi pada hujung tahun ini.

Balas surat rakan anda itu.

2. Keluarga memainkan peranan penting dalam menangani masalah sosial yang semakin membimbangkan semua pihak.

Berikan pendapat anda berdasarkan pernyataan di atas.

3. Baru-baru ini anda telah menyertai aktiviti perkhemahan yang telah dianjurkan oleh unit beruniform di sekolah anda.

Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai aktiviti perkhemahan tersebut.

4. Anda telah dipilih untuk mewakili kelas dalam pertandingan syarahan anjuran Persatuan Bahasa Melayu di sekolah anda. Tajuk syarahan tersebut ialah 'Amalan Hidup Sihat'.

Tulis syarahan anda itu selengkapnya.

"Bagai menatang minyak yang penuh"

5. Peribahasa di atas bermaksud memelihara anak dengan penuh kasih sayang.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa di atas.

BAHAGIAN D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3.

- (i) **Hikmah**, karya Mohd. Faris Ikmal
- (ii) **Sukar Membawa Tuah**, karya M.Z. Erysha
- (iii) **Bukan Duniaku**, karya Aida Shahira
- (iv) **Istana Menanti**, karya Abd. Latip Talib
- (v) **Wira Persona Avatari**, karya Ahmad Zaki Abu Bakar
- (vi) **Di Sebalik Wajah**, karya Abang Saifuddin Abang Bohari
- (vii) **Lestari Bukit Menghijau**, karya Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- (viii) **Erti Sebuah Pengorbanan**, karya Zaihanim Zainal Abidin
- (ix) **6.20** karya Siti Jasmina Ibrahim
- (x) **Cempaka Putih Untukmu** karya Rohani Deraman
- (xi) **Merenang Gelora**, karya Ruslan Ngah

Berdasarkan satu daripada novel di atas, nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam novel tersebut. Bagi setiap persoalan tersebut berikan contoh peristiwa yang berlaku.

KERTAS SOALAN TAMAT